




# Melindungi Rumah anda

Panduan untuk  
Skim Perlindungan  
Perumahan CPF



# 4 BAHAGIAN 1

Maklumat yang perlu  
anda tahu tentang  
Skim Perlindungan  
Perumahan

# 10 BAHAGIAN 2

Menyesuaikan dan  
menamatkan perlindungan  
Skim Perlindungan Perumahan

# KANDUNGAN

14

## BAHAGIAN 3

Membuat tuntutan Skim  
Perlindungan Perumahan

17

## BAHAGIAN 4

Pengecualian daripada  
Skim Perlindungan  
Perumahan



Maklumat yang perlu  
anda **tahu tentang**  
**Skim Perlindungan**  
**Perumahan**



Skim Perlindungan Perumahan (Home Protection Scheme, HPS) ialah insurans pengurangan gadai janji yang melindungi anda dan orang tersayang daripada kehilangan flat Lembaga Perumahan dan Pembangunan (Housing Development Board, HDB) anda sekiranya berlaku kematian, penyakit yang boleh membawa maut atau hilang upaya kekal dan menyeluruh. Skim Perlindungan Perumahan melindungi ahli sehingga usia 65 tahun atau sehingga pinjaman perumahan dilunaskan, mana yang lebih awal.

## Keperluan untuk perlindungan Skim Perlindungan Perumahan

Anda perlu diinsuranskan di bawah Skim Perlindungan Perumahan jika anda menggunakan simpanan Tabung Simpanan Pekerja (Central Provident Fund, CPF) anda untuk membayar ansuran perumahan bulanan bagi flat HDB anda.

Jika anda menggunakan wang tunai untuk ansuran perumahan bulanan, anda masih boleh memohon untuk diinsuranskan jika anda adalah pemilik flat tersebut.

### Cara memohon

HDB atau peguam akan menasihatkan anda agar memohon Skim Perlindungan Perumahan apabila anda memohon untuk mengeluarkan simpanan CPF anda untuk membayar ansuran bulanan flat HDB anda yang dibiayai oleh pinjaman HDB atau pinjaman bank.

Anda juga boleh membuat permohonan untuk Skim Perlindungan Perumahan di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass anda (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

## Bahagian perlindungan Skim Perlindungan Perumahan

Anda digalakkan untuk diinsuranskan berdasarkan bahagian tanggungjawab anda untuk membayar semula pinjaman (menggunakan simpanan CPF dan/atau wang tunai). Jumlah bahagian perlindungan bagi setiap isi rumah harus berjumlah sekurang-kurangnya 100%. Walau bagaimanapun, anda dan pemilik bersama anda boleh memilih untuk mengambil perlindungan untuk bahagian perlindungan yang lebih tinggi, sehingga 100% bahagian perlindungan bagi setiap pemilik. Sekiranya tuntutan dibuat, Skim Perlindungan Perumahan akan membayar jumlah yang dijamin berdasarkan bahagian perlindungan yang telah anda mohon.

Bahagian perlindungan yang lebih tinggi akan menyebabkan premium tahunan yang lebih tinggi yang ditolak daripada Akaun Biasa (OA) CPF anda. Oleh itu, apabila menentukan bahagian perlindungan, anda dan pemilik bersama anda harus mempertimbangkan keperluan anda untuk perlindungan kewangan dan juga keperluan persaraan masa hadapan anda.

### Contoh:

Encik Tan dan isterinya membayar ansuran pinjaman perumahan bulanan mereka sebanyak \$1,500 dengan simpanan CPF dan wang tunai. Encik Tan menggunakan \$1,000 daripada akaun CPF beliau dan \$200 secara tunai, dan isterinya menggunakan \$300 daripada akaun CPFnya.

Bahagian perlindungan Encik Tan harus sekurang-kurangnya:

$$\$1,200/\$1,500 \times 100\% = 80\%$$

Walaupun bagaimanapun, Encik Tan boleh memilih untuk mendapatkan bahagian perlindungan sehingga 100%.

Bahagian perlindungan Puan Tan harus sekurang-kurangnya:

$$\$300/\$1,500 \times 100\% = 20\%$$

Puan Tan juga boleh memilih untuk mendapatkan bahagian perlindungan sehingga 100%.

Jika Encik Tan layak membuat tuntutan, kami akan membayar jumlah yang dijamin, berdasarkan bahagian perlindungan 80% Encik Tan, pada tarikh dia layak untuk membuat tuntutan. Puan Tan perlu membiayai baki jumlah pinjaman, selepas bayaran faedah Skim Perlindungan Perumahan.

Jika Encik Tan telah memilih untuk dilindungi sebanyak 100% dalam bahagian perlindungan, jumlah yang dijamin berdasarkan bahagian perlindungan 100% beliau akan dibayar pada tarikh dia layak untuk membuat tuntutan. Tiada bayaran lanjut diperlukan daripada Puan Tan jika faedah Skim Perlindungan Perumahan boleh melunaskan pinjaman yang tertunggak sepenuhnya.

## Kelayakan perlindungan


Kelayakan bagi perlindungan Skim Perlindungan Perumahan adalah dengan syarat anda berada dalam kesihatan yang baik. Anda harus mengisytiharkan dan mendedahkan sepenuhnya semua maklumat berkenaan kesihatan anda, termasuk:

- Semua penyakit yang pernah dan sedang anda hidapi;
- Sebarang pembedahan/rawatan/ujian perubatan yang anda telah jalani atau akan jalani; dan
- Sebarang gangguan fizikal atau mental.

Jika anda tidak pasti sama ada maklumat tersebut adalah relevan, anda dinasihatkan untuk mendedahkannya. Anda harus segera memaklumkan kepada kami serta-merta jika ada perubahan pada keadaan kesihatan anda sebelum perlindungan Skim Perlindungan Perumahan dikeluarkan kepada anda.

Kami akan menilai kelayakan anda untuk perlindungan Skim Perlindungan Perumahan berdasarkan maklumat yang diisytiharkan. Anda mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan. Kami juga mungkin meminta salinan laporan perubatan tentang keadaan kesihatan anda daripada doktor yang memeriksa anda.

Sekiranya anda tidak layak untuk perlindungan Skim Perlindungan Perumahan, anda masih boleh menggunakan simpanan CPF anda untuk membayar ansuran perumahan bulanan.



Kami tidak akan mempertimbangkan tuntutan atau bayaran balik premium kepada ahli yang telah memberikan maklumat palsu atau menyeleweng, atau yang tidak memberikan maklumat yang relevan dalam pengisytiharan kesihatannya.

Anda akan dilindungi di bawah Skim Perlindungan Perumahan apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- Anda telah mendapat pemilikan sah flat, iaitu dokumen sah telah ditandatangani dan kunci telah diambil;
- Anda telah menyempurnakan dokumen pinjaman bersama HDB atau pemegang gadai janji yang diluluskan dan bertanggungjawab secara sah ke atas pinjaman tersebut;
- Anda telah membuat pengisytiharan kesihatan dan diterima untuk perlindungan di bawah Skim Perlindungan Perumahan, dan
- Anda telah membayar premium Skim Perlindungan Perumahan pertama anda

Sijil Skim Perlindungan Perumahan akan dihantar kepada anda selepas permohonan Skim Perlindungan Perumahan anda diluluskan dan jumlah premium ditolak. Sijil tersebut akan mengandungi butiran seperti jumlah perlindungan anda, bahagian perlindungan anda, tarikh polisi berkuat kuasa dan tamat tempoh, alamat flat yang diinsuranskan dan jumlah premium tahunan anda.

Anda juga boleh melihat butiran perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass anda (melalui [my cpf Online Services > My Messages](#)).

## Bayaran premium Skim Perlindungan Perumahan

Premium dibayar secara tahunan dan akan ditolak secara automatik daripada Akaun Biasa anda. Anda hanya perlu membayar premium tahunan bagi 90% daripada tempoh perlindungan Skim Perlindungan Perumahan. Sebagai contoh, jika tempoh perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda ialah 30 tahun, anda hanya perlu membayar premium selama 27 tahun.

Premium dikira berdasarkan lima faktor:

- Pinjaman perumahan flat yang tertunggak
- Tempoh pembayaran semula pinjaman
- Jenis pinjaman (kadar konsesi atau pasaran)
- Usia dan jantina ahli
- Bahagian peratusan perlindungan





Anda boleh menganggarkan premium anda menggunakan Kalkulator Premium Skim Perlindungan Perumahan di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) (Tools > Housing > [Home Protection Scheme Premium Calculator](#)).

Anda akan dimaklumkan untuk menokok Akaun Biasa anda jika baki anda tidak mencukupi untuk membayar premium. Ahli keluarga anda iaitu pasangan/ibu bapa/anak/adik-beradik, yang memiliki flat tersebut bersama anda, boleh memberikan kebenaran kepada kami untuk menggunakan simpanan Akaun Biasa mereka untuk membayar kekurangan premium Skim Perlindungan Perumahan anda.

Anda akan diberikan tempoh tangguh untuk membayar premium agar polisi Skim Perlindungan Perumahan anda diteruskan. Perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda akan tamat jika kami tidak dapat menolak premium apabila tempoh tangguh tamat. Anda akan kehilangan perlindungan insurans dan tuntutan Skim Perlindungan Perumahan tidak akan dibayar sekiranya berlaku kematian, penyakit yang boleh membawa maut atau hilang upaya kekal dan menyeluruh.

Semasa tempoh tangguh, sebarang baki yang terdapat dalam Akaun Biasa anda akan digunakan untuk membayar premium Skim Perlindungan Perumahan anda dahulu sebelum anda boleh menggunakannya untuk sebarang bayaran, termasuk ansuran perumahan bulanan anda.

Anda perlu membuat permohonan semula jika anda ingin menyertai Skim Perlindungan Perumahan selepas perlindungan anda tamat. Kelayakan anda tertakluk kepada keadaan kesihatan anda pada masa permohonan semula dilakukan.

Menyesuaikan  
dan menamatkan  
**perlindungan**  
**Skim Perlindungan**  
**Perumahan**



## Penyesuaian perlindungan Skim Perlindungan Perumahan

Anda perlu menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan jika:

- i. Tempoh pembayaran semula pinjaman atau jumlah pinjaman telah berubah disebabkan oleh penstrukturan semula atau pembayaran semula modal pinjaman atau
- ii. Bahagian tanggungjawab anda untuk membayar semula pinjaman telah berubah

Perlindungan Skim Perlindungan Perumahan baharu berdasarkan maklumat/ bahagian tanggungjawab pinjaman baharu akan diberikan kepada anda, dan premium anda akan disesuaikan dengan sewajarnya. Tujuannya adalah untuk memastikan anda dilindungi secukupnya.

Walau bagaimanapun, sebarang peningkatan pada perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda, sebagai contoh, peningkatan dalam tempoh perlindungan atau jumlah yang dijamin, tertakluk kepada keadaan kesihatan anda. Oleh itu, anda perlu memohon untuk meningkatkan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda dan mengisytiharkan kesihatan anda. Jika anda tidak layak untuk perlindungan tambahan, anda boleh terus diinsuranskan di bawah perlindungan Skim Perlindungan Perumahan yang sebelumnya.

## Senario yang menyebabkan penyesuaian perlindungan Skim Perlindungan Perumahan

### 1. Perubahan kepada bahagian tanggungjawab untuk membayar semula pinjaman

Jika bahagian tanggungjawab anda untuk membayar semula pinjaman telah berubah, sila maklumkan kepada kami untuk menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda.

Anda boleh memohon untuk menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass anda (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

### 2. Pembayaran semula modal pinjaman/penstrukturan semula pinjaman

#### **Bagi ahli yang telah mengambil pinjaman HDB**

Kami akan dimaklumkan oleh HDB berkenaan sebarang pembayaran semula modal atau penstrukturan pinjaman anda. Kami akan menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda dan tiada tindakan lanjut diperlukan daripada anda.

#### **Bagi ahli yang telah mengambil pinjaman bank**

Jika anda menggunakan simpanan CPF anda untuk pembayaran semula modal pinjaman bank anda, kami akan dimaklumkan dan kami akan menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda. Tiada tindakan lanjut diperlukan daripada anda.

Jika anda menggunakan wang tunai untuk pembayaran semula modal pinjaman bank anda, atau anda telah menyemak semula tempoh pembayaran semula pinjaman anda, anda boleh memohon untuk menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass anda (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

### 3. Pembiayaan semula pinjaman sedia ada kepada pinjaman bank

Jika anda menggunakan simpanan CPF anda untuk membiayai semula pinjaman sedia ada anda, kami akan dimaklumkan dan kami akan menyesuaikan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda jika ada sebarang perubahan kepada tempoh atau jumlah pembayaran semula pinjaman.

Jika tiada perubahan kepada tempoh atau jumlah pembayaran semula pinjaman, kami hanya akan mengemas kini rekod untuk menunjukkan pemegang gadai janji baharu anda.

## Senario yang menyebabkan penamatan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan

### 1. Jualan hartanah

Perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda akan tamat jika anda menjual flat anda. Bahagian premium anda yang tidak digunakan (jika ada) akan dikembalikan ke dalam Akaun Biasa anda.

Begitu juga, jika anda membeli flat baharu, perlindungan Skim Perlindungan Perumahan untuk flat lama anda akan tamat sementara perlindungan Skim Perlindungan Perumahan akan dikeluarkan untuk flat baharu anda. Walau bagaimanapun, perlindungan flat baharu anda tertakluk kepada keadaan kesihatan anda. Oleh yang demikian, anda perlu mengisytiharkan dan mendedahkan sepenuhnya semua maklumat berkenaan kesihatan anda apabila anda memohon perlindungan Skim Perlindungan Perumahan untuk flat baharu anda.

### 2. Pembayaran penuh pinjaman

Perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda akan tamat jika anda telah melunaskan pinjaman anda sepenuhnya. Bahagian premium tahunan anda yang tidak digunakan akan dikembalikan ke dalam Akaun Biasa anda.

#### **Bagi ahli yang mempunyai pinjaman HDB**


Kami akan dimaklumkan oleh HDB tentang pembayaran semula penuh yang dibuat untuk pinjaman anda. Kami akan menamatkan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda dan tiada tindakan lanjut diperlukan daripada anda.

#### **Bagi ahli yang mempunyai pinjaman bank**

Jika anda telah menggunakan simpanan CPF anda untuk membayar semula pinjaman bank anda sepenuhnya, kami akan dimaklumkan dan kami akan menamatkan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda. Tiada tindakan lanjut diperlukan daripada anda.

Jika anda telah menggunakan wang tunai untuk membayar semula pinjaman bank anda sepenuhnya, sila maklumkan kepada kami melalui e-mel di [insurance@cpf.gov.sg](mailto:insurance@cpf.gov.sg). Setelah pembayaran semula penuh disahkan oleh pemegang gadai janji anda, kami akan menamatkan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda.

# Membuat tuntutan Skim Perlindungan Perumahan



## Tuntutan di atas sebab-sebab kesihatan

Kami akan membayar jumlah yang dijamin di bawah polisi Skim Perlindungan Perumahan jika ahli yang diinsuranskan disahkan oleh seorang doktor<sup>1</sup> yang bertauliah sebagai menghadapi penyakit yang boleh membawa maut atau hilang upaya kekal dan menyeluruh semasa tempoh polisi.

Penyakit yang boleh membawa maut merujuk kepada penyakit yang berkemungkinan boleh menyebabkan kematian ahli tersebut dalam tempoh masa 12 bulan. Hilang upaya kekal dan menyeluruh merujuk kepada:

- i. ketidakmampuan untuk melakukan sebarang bentuk pekerjaan secara kekal; atau
- ii. kehilangan fungsi fizikal secara kekal dan menyeluruh mana-mana yang berikut:
  - Kedua-dua mata
  - Dua anggota badan
  - Satu mata dan satu anggota badan

Ahli boleh memohon untuk tuntutan Skim Perlindungan Perumahan atas sebab-sebab kesihatan di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass mereka (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

Untuk layak membuat tuntutan di bawah (i), ahli tersebut juga harus telah berhenti daripada pekerjaan fizikal.

Laporan perubatan terperinci boleh diperolehi daripada doktor ahli tersebut untuk menentukan kelayakannya untuk menuntut faedah Skim Perlindungan Perumahan. Jika doktor ahli tersebut bukan daripada senarai doktor yang bertauliah, ahli tersebut boleh diarturkan untuk menjalani pemeriksaan lanjut oleh panel doktor Lembaga CPF.

<sup>1</sup> Senarai doktor yang bertauliah adalah daripada hospital, poliklinik atau pusat pakar pemerintah yang distruktur semula.

## Tuntutan kematian

Laporan koroner mungkin diperlukan untuk mengesahkan punca kematian.

Keluarga si mati boleh memfailkan tuntutan di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass mereka (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

## Bagaimanakah bayaran tuntutan dilakukan?

Kami akan melunaskan pinjaman perumahan yang tertunggak, sehingga jumlah yang dijamin, secara langsung dengan HDB atau pemegang gadai janji. Jika jumlah yang dijamin adalah lebih tinggi daripada pinjaman yang belum dilunaskan<sup>2</sup>, jumlah lebihan akan dikembalikan ke dalam Akaun Biasa ahli yang diinsuranskan.

Bagi ahli yang telah meninggal dunia, simpanan CPF mereka, termasuk simpanan dalam Akaun Biasa, akan diagihkan kepada penama mereka. Sekiranya tiada penamaan telah dibuat, Pemegang Amanah Awam akan mengagihkan simpanan CPF ahli yang telah meninggal dunia di bawah undang-undang kematian tidak berwasiat atau Hukum Faraid.

Faedah tuntutan tidak akan dibayar jika perkara yang berikut berlaku dalam tahun pertama polisi perlindungan:

- ahli melakukan kecederaan ke atas diri sendiri atau membunuh diri; atau
- ahli melakukan kesalahan jenayah yang boleh membawa hukuman mati; atau
- tuntutan ahli timbul daripada jenayah yang dilakukannya secara sengaja.

Faedah tuntutan juga tidak akan dibayar jika:

- ahli sudah mengalami masalah kesihatan sebelum perlindungan Skim Perlindungan Perumahan berkuat kuasa; atau
- ahli memberikan maklumat palsu atau menyeleweng; atau
- tuntutan ahli timbul akibat peperangan atau sebarang operasi yang seakan peperangan atau penyertaan dalam sebarang rusuhan.

<sup>2</sup> Sebagai contoh, hal ini boleh berlaku apabila kadar penurunan pinjaman yang belum dilunaskan adalah lebih pantas daripada kadar penurunan jumlah yang dijamin oleh Skim Perlindungan Perumahan.



# Pengecualian daripada Skim Perlindungan Perumahan



Anda boleh memohon untuk dikecualikan daripada Skim Perlindungan Perumahan jika anda sudah pun mempunyai insurans pengurangan gadai janji atau polisi insurans nyawa yang sesuai dan cukup untuk melindungi pinjaman perumahan anda yang belum dilunaskan sehingga tempoh penuh pinjaman atau usia 65 tahun, mana yang lebih awal. Polisi insurans swasta anda haruslah berupaya menyediakan perlindungan bagi penyakit yang boleh membawa maut, hilang upaya kekal dan menyeluruh dan kematian.

Anda boleh memohon untuk pengecualian di [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dengan Singpass anda (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

Jika anda bercadang untuk menggunakan simpanan CPF anda untuk membayar ansuran pinjaman bulanan, kami menasihatkan anda supaya memohon Skim Perlindungan Perumahan terlebih dahulu. Kemudian anda boleh memohon pengecualian Skim Perlindungan Perumahan selepas anda mendapat pemilikan flat yang sah. Ini memastikan aturan ansuran perumahan bulanan anda tidak akan terjejas jika pengecualian Skim Perlindungan Perumahan tidak sempat dikemukakan dan diluluskan tepat pada masanya.

Anda akan mendapat bayaran balik premium penuh ke dalam Akaun Biasa anda jika kami menerima permohonan pengecualian anda dalam tempoh sebulan dari tarikh pengeluaran perlindungan Skim Perlindungan Perumahan. Jika tidak, premium akan dibayar balik secara prorata dalam Akaun Biasa anda setelah penamatan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda.

## Jenis-jenis polisi insurans

Anda boleh menggunakan jenis-jenis polisi insurans berikut, kedua-dua tradisional dan yang berkaitan pelaburan, untuk menyokong permohonan pengecualian anda:

- Hayat Seumur Hidup
- Hayat Bertempoh
- Endowmen
- Tambahan Hayat atau 'Rider' (harus dihubungkan dengan polisi asas)
- Insurans Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTA)/Manfaat Tambahan Hayat Bertempoh Berkurangan

## Bilakah anda perlu memohon semula untuk pengecualian?

### 1. Pembiayaan semula pinjaman

Jika anda telah melakukan pembiayaan semula pinjaman perumahan, anda perlu memohon semula untuk pengecualian Skim Perlindungan Perumahan. Ini memastikan polisi insurans anda yang sedia ada masih mencukupi untuk melindungi pinjaman anda yang dibiayai semula. Walaupun tiada perubahan kepada jumlah pinjaman perumahan anda, polisi insurans anda yang sedia ada mungkin tidak melindungi anda secukupnya disebabkan kadar faedah gadai janji yang lebih tinggi. Oleh itu, kami perlu menilai semula kecukupan polisi insurans anda.

### 2. Perubahan kepada polisi insurans anda

Pengecualian anda daripada Skim Perlindungan Perumahan boleh dibatalkan jika mana-mana polisi insurans yang digunakan untuk pengecualian tersebut dihentikan atau diubah. Kemudian, kami akan mengeluarkan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan kepada anda berdasarkan peratusan pengecualian yang diisytiharkan untuk anda, tertakluk kepada keadaan kesihatan anda dan terma dan syarat kami. Anda perlu membuat permohonan semula jika anda ingin terus dikecualikan daripada Skim Perlindungan Perumahan.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja.

Untuk maklumat lanjut tentang Skim Perlindungan Perumahan, sila layari [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) [CPF Schemes > Housing > [Home Protection Scheme](#)].

Untuk permohonan berkaitan Skim Perlindungan Perumahan seperti pengecualian daripada Skim Perlindungan Perumahan atau penamatan perlindungan Skim Perlindungan Perumahan anda, sila layari [cpf.gov.sg](http://cpf.gov.sg) dan log masuk dengan Singpass anda (melalui [my cpf Online Services > My Requests](#)).

Untuk pertanyaan tentang Skim Perlindungan Perumahan, sila hubungi 1800 227 1188.

## Berhubunglah dengan kami



### [cpf.gov.sg/EmailAlerts](mailto:cpf.gov.sg/EmailAlerts)

Langgani My Notifications dan terima e-mel tentang pengumuman, acara, artikel penting dan lain-lain lagi.



### [fb.com/CPFBoard](https://fb.com/CPFBoard)

Berhubung dengan kami melalui Facebook untuk mendapatkan tip dan maklumat sampingan mengenai Skim CPF.



### [instagram.com/cpf\\_board](https://instagram.com/cpf_board)

Ikuti kami di Instagram untuk maklumat terkini!



### [youtube.com/CPFvideos](https://youtube.com/CPFvideos)

Langgani saluran YouTube kami untuk menonton video yang terkini dari CPF.



### [t.me/CPFBoard](https://t.me/CPFBoard)

Ikuti Saluran Telegram CPF bagi mendapatkan tip ringkas dan maklumat terkini!



### [cpf.gov.sg/podcast](https://cpf.gov.sg/podcast)

Langgani podcast kami untuk mendengar tip kewangan dan wawancara dengan pakar industri tentang perancangan CPF dan persaraan.

Buku ini tersedia dalam bahasa Cina, Melayu dan Tamil di laman web kami.

Layari [cpf.gov.sg/members](https://cpf.gov.sg/members) > Tools > [Booklets](#).

Maklumat tepat pada November 2020. Hak Cipta © 2020 Lembaga Tabung Simpanan Pekerja. Hak cipta terpelihara.